

Kesedaran Kebangsaan Nasionalis Kiri Melayu: Satu Pengenalan

NATIONAL AWARENESS OF THE MALAY LEFTIST NATIONALISTS: AN INTRODUCTION

Wan Noorlizawati Wan Mat Ali¹; Nazirah Lee²; Ishak Saat³

^{1,2,3}Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, noorlizawati@fsk.upsi.edu.my, nazirah@fsk.upsi.edu.my, ishakhj@fsk.upsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol14.1.2019>

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan kesedaran kebangsaan golongan rakyat di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua khususnya dengan kemunculan PKMM. Mereka menjadi satu gerakan yang dinamik dan tidak tertakluk kepada kerangka politik Melayu tradisional. PKMM dianggap sebagai golongan radikal dalam politik Tanah Melayu. Dengan menggunakan kaedah perpustakaan maklumat berkenaan gerakan kiri dan faktor yang mempengaruhi gerakan kesedaran ini dicerap dari dokumen, buku, akhbar, majalah serta artikel yang berkaitan. Sumber-sumber ini dianalisis untuk menghasilkan artikel ini. Hasil kajian memperlihatkan golongan nasionalis kiri Melayu berjuang untuk membela nasib masyarakat Melayu yang semakin jauh ketinggalan berbanding golongan imigran dan secara terbuka menuntut kemerdekaan. Kesedaran golongan ini banyak dipengaruhi oleh semangat yang dicituskan oleh negara luar seperti India, Timur Tengah dan juga Indonesia di samping peranan akhbar. Secara ringkasnya pengaruh luar melahirkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu bahawa rakyat mempunyai kuasa dalam sistem pemerintahan di tanah air sendiri.

Kata kunci: Kesedaran, Kebangsaan, Nasionalis Kiri Melayu

ABSTRACT

This paper discusses the national awareness of the people in Malaya in the post Second World War especially with the emergence of PKMM. Their movement were in the dynamic and which were not the subject to the traditional Malay political framework. They were regarded as radical in Malaya politics. Discussion in this paper are based on library methods by analysing sources such as files, books, newspaper, magazines an article on the topics of study. These resources are analyzed to generate this article. Suggest that the Malay leftist nationalists were struggling to defend the fate of the backwards Malays compared to the immigrants and openly demanding independence. The awareness of this group was much influenced by the spirit of nationalism that was triggered by foreign countries such as India, the Middle East and Indonesia as well as the role of the press. In external influences created awareness among the Malays community that the people should have the power in the government system which is in their own homeland.

Keywords: Awareness, National, Malay Leftist Nationalists

PENDAHULUAN

Kegiatan politik orang Melayu selepas Perang Dunia Kedua merupakan suatu proses kesinambungan daripada perjuangan mereka sebelum perang. Jika sebelum perang, penyertaan orang Melayu dalam politik tidak begitu menyerlah tetapi selepas perang, kesedaran politik dalam kalangan mereka mula menonjol. Kajian yang menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan menganalisis pelbagai sumber primer dan sumber sekunder yang dilakukan untuk mendapatkan maklumat berkenaan memperlihatkan orang Melayu mula menampakkan kematangan berpolitik melalui kesedaran mereka terhadap penubuhan parti politik dalam usaha mencapai kemerdekaan. Golongan nasionalis yang dipelopori pelajar

Sultan Idris Training College (SITC) kemudiannya berkembang dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 sehingga membawa kepada kelahiran cabang-cabangnya seperti Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Gerakan nasionalis Melayu aliran kiri adalah suatu gerakan politik yang tidak mendukung sepenuhnya sistem politik tradisional yang berteraskan istana dan kekuasaan mutlak raja-raja Melayu. Sebaliknya mereka bergerak ke arah kemerdekaan Tanah Melayu dengan mendaulatkan suara rakyat dalam sistem pemerintahan. Sehubungan itu, selain menolak British mereka menolak pemerintahan lama yang dipegang raja dan pembesar yang membentuk kelas pemerintahan bagi masyarakat Melayu tradisional. Mereka juga tidak menerima kedaulatan raja yang dikawal oleh British. Golongan raja dilihat tidak berusaha memajukan orang Melayu dan memberikan kepimpinan yang sewajarnya. Sebaliknya mereka melihat kuasa rakyat amat penting untuk ditegakkan dalam sistem pemerintahan demokrasi.

Golongan kiri Melayu telah menggariskan sebuah perjuangan bagi mencapai tujuan ke arah menuntut kemerdekaan yang sepenuhnya dan berusaha menamatkan penjajahan pihak British di Tanah Melayu. Pada 30 November hingga 3 Disember 1945 sebagai contohnya rang undang-undang PKMM yang diluluskan pada kongres pertama di Ipoh tercatat dengan jelas bahawa tujuan penubuhan PKMM adalah untuk kemerdekaan bangsa dan tanah air. Terdapat lapan dasar yang digariskan dalam perlembagaan PKMM iaitu:

1. *Mempersatu padukan bangsa Malaya, menanamkan semangat kebangsaan dalam sanubari orang-orang Melayu dan bertujuan untuk menyatukan Malaya dalam keluarga yang besar iaitu Republik Indonesia Raya;*
2. *Bertujuan hendak mencapai hak kemerdekaan berpidato, bergerak, berfikir dan menuntut pelajaran;*
3. *Membangkitkan kedudukan ikhtisad bangsa Melayu dengan jalan memajukan perusahaan peniagaan dan pertanian serta menaikkan taraf penghidupan bangsa Melayu;*
4. *Menghendaki diberi kebebasan penuh kepada orang Melayu mendirikan sekolah-sekolah kebangsaan mereka iaitu tempat mereka mendapatkan pelajaran-pelajaran dan bahasa dengan percuma;*
5. *Mencapai kebebasan bercucuk tanam. Orang yang hendak bercucuk tanam itu diberikan kebebasan daripada membayar sewa tanah bila-bila masa dan di mana juga dan dibebaskan pula menjual hasil usahanya itu di pasar perniagaan;*
6. *Menghendaki diberi kebebasan mencetak buku-bukunya sendiri, menggalakkan pelajaran secara demokrasi, supaya meninggikan kedudukan bangsa Melayu, dalam siasat (politik) untuk mendakyahkan rasa kebangsaan kepada orang-orang Melayu;*
7. *Parti Kebangsaan Melayu hendak bekerjasama dengan lain-lain bangsa yang tinggal dalam negerinya ini hidup dengan berbaik-baik dan bekerja untuk mendirikan perpaduan penduduk-penduduk Malaya (Malayan United Front) bagi menjadikan Malaya merdeka makmur dan sebagai satu anggota Republik Indonesia Raya;*
8. *Menyokong gerakan umat Indonesia dalam memperjuangkan merebut kemerdekaan. (UMNO/SG No 96/1946)*

Ini menyebabkan setiap kali bertemu, sambil menggenggam lima jari dengan kuat yang diangkat hingga ke dada (membawa pengertian merdeka politik, ekonomi, beragama, sosial dan merdeka kebudayaan) laungan merdeka telah dilafazkan dengan garang (Abdul Majid Salleh, 2004:30-31). Sebagaimana menurut Ishak Haji Muhammad tujuan penubuhan PKMM adalah demi menyahut cabaran serta memenuhi tuntutan perjuangan bagi membela masyarakat Melayu yang jauh ketinggalan dalam semua bidang seperti bidang ekonomi dan

politik yang dikuasai pihak British dan golongan imigran. Menurut Ishak Haji Muhammad lagi perjuangan PKMM adalah selaras dengan salah satu matlamat Pertubuhan Bangsa-bangsa di bawah peruntukan *Atlantic Charter* yang mana di dalamnya jelas dinyatakan menjamin hak manusia yang dijajah untuk menuntut kemerdekaan atau sekurang-kurangnya berkerajaan sendiri. Piagam tersebut juga secara jelas menjamin hak kebebasan kepada semua masyarakat tanpa mengira warna kulit dan agama di samping hak untuk bersuara, berkumpul, menubuhkan parti politik serta menerbitkan akhbar. Justeru, seharusnya semua masyarakat mempunyai hak untuk bebas daripada kelaparan, tangkapan dan tahanan tanpa melalui proses undang-undang serta bebas jasmani dan rohani (Ishak Haji Muhammad, 1997:187 dan 228).

PKMM yakin dan percaya orang Melayu mesti bersatu padu. Semangat perjuangan PKMM jelas melalui cogan kata yang dapat dilihat semasa perarakan menyambut genap setahun PKMM. Antara slogan yang dilaungkan dalam perarakan tersebut:

“Contohnya semangat Indonesia berjuang untuk kemerdekaan, Kaum tani bersatulah sekarang bagi kebaikan bersama, Sempurnakan gaji2 pekerja Melayu, Bersatulah kaum buruh Melayu Malaya menuntut keperluan hidup, Keselamatan penumpang2 ialah ditangan drebar2, Kecergasan drebar gaji yang memuaskan, dirikanlah sekolah2 kebangsaan dan banyakkkan sekolah2 dikampung, Berilah rakyat berkata dalam cara mereka diperintah, Hapuskanlah cukai tanah, Berhentilah berunding disebalik tabir, Naikkanlah harga getah, Kami berkhendakkan kesatuan Melayu berkedaulatan rakyat, Pemuda2 bersatulah untuk mendirikan kedaulatan rakyat Malaya baharu, Hancurlah taraf jajahan tahun 1941 dan Sokonglah perjuangan Indonesia merdeka”. (Burhanuddin Helmi, 1946:65-66)

Di samping itu, tiga keputusan turut dicapai dalam perjumpaan umum menyambut genap setahun PKMM di mana setiap ahli PKMM, API dan yang sealiran (sefaham) akan menggenggam tangan paras telinga seperti ketika salam merdeka sambil melagakan kata-kata ini dengan azam:

1. Kita tidak mahu kepada cara pemerintahan tahun 1941 yang bersifat pemerintahan tanah jajahan. Kita mahu satu negara bersatu bagi Malaya yang mempunyai satu pusat pemerintahan, satu bendera kebangsaan, satu lagu kebangsaan, satu bahasa rasmi mengikut dasar demokratik dengan memberi kuasa penuh rakyat jelata Melayu.
2. Kita menyokong perjuangan Indonesia mempertahankan kemerdekaan.
3. Kita mahu pemberian makanan, pakaian dan gaji yang mencukupi bagi segala lapisan bangsa Melayu khasnya dan kaum buruh dan taninya. (Burhanuddin Helmi, 1946: 68)

Secara keseluruhannya keadaan ini menunjukkan bahawa telah ada dalam kalangan rakyat di Tanah Melayu yang diwakili golongan kiri Melayu mempunyai keupayaan berfikir lebih jauh untuk membawa Tanah Melayu ke arah mencapai kemerdekaan serta merangka masa depan bersama dalam satu semangat kebangsaan (Melayu). Ini selari dengan pandangan Oong Hak Ching yang menyatakan bahawa walaupun kesedaran politik dan nasionalisme meluas dalam kalangan penduduk berbagai kaum selepas tamat Perang Dunia Kedua, keinginan dan perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan terbatas kepada golongan nasionalis radikal (Oong Hak Ching, 2000: 2). Malah, menurut Mahadzir Khir perjuangan PKMM adalah perjuangan bersifat politik serta mempunyai agenda politik seperti KMM khususnya untuk memperbaiki dan memperjuangkan soal Melayu dan negara Melayu. Gerakan ini wujud sebagai satu organisasi disebabkan kesedaran yang dibangkitkan oleh kumpulan intelegensianya melalui akhbar dan majalah yang memaparkan tentang kedaifan orang Melayu di dalam bidang ekonomi, sosial di samping ancaman kaum pendatang (Mahadzir Mohd Khir, 1997: 11). Semangat dan jiwa kebangsaan mereka yang kebal kukuh dan abadi berjiwa kepada lima rukun iaitu ketuhanan yang maha esa, kebangsaan, kedaulatan rakyat, persaudaraan sejagat dan keadilan masyarakat (Burhanuddin Helmi, 1946: 53).

Namun, ketika itu mereka yang mahukan kemerdekaan disifatkan mahu menderhaka iaitu menderhaka kepada pihak British dan mahu menderhaka kepada raja. Malah, terdapat para ulama menyeru agar semua orang wajib taat kepada pemerintah walau memerintah apa sahaja. Seruan ini dibuat menerusi khutbah Jumaat pada setiap minggu (Abdul Majid Salleh, 2004:35). Golongan radikal atau nasionalis kiri Melayu yang menentang kelangsungan institusi tradisional raja Melayu dan UMNO yang ingin mengekalkan kedudukan institusi tradisional Melayu dianggap sebagai para nasionalis yang menentang sistem feudal. Ringkasnya, perjuangan golongan nasionalis kiri Melayu seperti PKMM iaitu sebuah parti yang *non establishment* mempunyai pandangan dan pendirian yang tersendiri berhubung perkembangan politik Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Kesedaran berhubung hal ini dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya pengaruh negara luar.

PENGARUH NEGARA LUAR

Kesedaran politik dalam kalangan golongan nasionalis kiri Melayu antaranya dipengaruhi oleh perkembangan yang terjadi di peringkat antarabangsa. Maklumat berhubung kebangkitan nasionalisme di India, Burma, Filipina dan Indonesia sebagai contohnya memberikan kesan disamping menyemarakkan lagi kesedaran tentang pentingnya perjuangan menuntut kemerdekaan. Selepas Perang Dunia Kedua, gelombang semangat kebangsaan melanda penduduk di benua Asia untuk membebaskan tanah air daripada penjajahan kuasa Barat. Perjuangan yang didukung oleh nasionalis tempatan membuahkan kejayaan di beberapa negara seperti India, Burma, Filipina dan Indonesia. Walaupun berjuang dalam bentuk yang berbeza sama ada secara bersenjata, rundingan dan mogok, namun ke empat-empat negeri ini memberikan contoh kepada negara-negara lain di benua Asia (Mohd bin Samsudin, 2006:1). Pengalaman negara yang pernah dijajah dan memperoleh kemerdekaan mempengaruhi gerakan kebangsaan di Tanah Melayu untuk berjuang mencapai kemerdekaan (Abdul Latiff Abu Bakar, 1996:5). Pandangan tersebut disokong oleh R. S Milne dan Diane K. Mauzy. Menurut mereka:

“Dari satu segi ia mengambil bentuk ketaatsetiaan seluruh Islam terhadap Khlifah Turki, ketua mazhab ahli sunnah sebelum zaman khalifah digulingkan oleh Attartuk pada tahun 1924. Ia juga turut dipengaruhi sebilangan kecil pelajar Melayu yang menuntut di Kaherah serta pergerakan nasionalis Indonesia. Diperingkat awalnya (atau peringkat agama) nasionalisme Melayu lahir melalui beberapa kelab dan sekolah agama yang kian bertambah serta dalam perkembangan kesusasteraan Islam. Akhirnya daripada peringkat agama diikuti oleh peringkat ekonomi dan sosio dan diikuti peringkat politik dalam tahun 1937.” (R.S. Milne dan Diane Kauzy, 1992: 34)

Malah, gerakan Islah yang bertiup di Alam Melayu sebelum perang diilhamkan oleh gerakan pembaharuan yang berlaku di Mesir dipelopori yang tiga tokoh pembaharu Islam seperti Syed Jamaluddin al-Afghani, Syeikh Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Rida. Sebagaimana keadaan di Asia Barat, Alam Melayu turut merasai tempas gagasan Islah tersebut. Intelektual Melayu berpendidikan agama yang menjadi pelopor penyebaran idea Islah iaitu Syed Syeikh al-Hadi, Haji Abbas Mohd Taha dan Syed Syeikh al-Hadi menjadikan gerakan Islah dapat berkembang jauh (Mohd Sarim Haji Mustajab, 1996:118). Di samping itu, kejatuhan Empayar Otmaniah turut memberi kesan terhadap kebangkitan semangat kebangsaan di Asia Barat dan mempengaruhi perkembangan semangat kebangsaan di Asia Selatan, Asia Tenggara serta Asia Timur. Perkembangan yang berlaku ini mempengaruhi semangat kebangsaan dari golongan dan ahli fikir Islam dalam kalangan penduduk yang berpegang kuat kepada ajaran Islam serta terdidik melalui sistem pendidikan pondok (Mohd Samsuddin, 2006:2). Malah, pemimpin dunia turut menjadi faktor menekankan lagi pengaruh perkembangan nasionalisme golongan nasionalis Melayu.

Tanah Melayu juga merupakan medan bagi pejuang kemerdekaan negara lain meneruskan perjuangan mereka seperti dilakukan oleh Sun Yat Sen dari China. Sun Yat Sen sebagai contohnya pernah datang ke Tanah Melayu dalam usaha mengumpul dana bagi membiayai perjuangan melawan kerajaan Manchu di China. (Samad Ismail, 2000: 2) Begitu juga pemimpin nasionalis India seperti Subhas Chandra Bose dan Rash Behari Bose yang mendirikan Tentera Kebangsaan India bagi memerangi British di India. Malah, setelah tamat Perang Dunia Kedua pada 16 Februari 1945 Jawaharlal Nehru tiba di Tanah Melayu untuk membebaskan perajurit India yang terikat dengan British, khususnya Tentera Pembebasan India di bawah pimpinan Subhas Chandra Bose. Nehru secara sulit pernah menemui pelopor pejuang kemerdekaan Tanah Melayu di Kuala Lumpur iaitu PKMM pada 22 Mac 1946. Dalam perjumpaan sulit beliau dengan Burhanuddin Helmi, Ishak Haji Muhammad, Zulkifli Owni serta Haji Ahmad Noor Abdul Shukor, Nehru telah meniupkan semangat dengan kata-katanya bahawa "*the downfall of Britain is going ahead*" (SPR 2002/00660). Ini bermakna bangsa Melayu telah terdedah dengan semangat nasionalisme melawan penjajah dan perjuangan mereka sudah lama berkembang.

Burhanuddin Helmi selaku Yang DiPertua PKMM juga pernah menghantar ucapan tahniah kepada Jawaharlal Nehru sempena menyambut hari kemerdekaan India. Dalam ucapan tahniah yang dihantar menerusi wakil kerajaan India di Singapura sebagaimana dilaporkan oleh *Utusan Melayu* beliau menyatakan bahawa kemerdekaan yang diperolehi oleh India sebagai satu kejayaan negeri-negeri persaudaraan di Asia di samping bertindak sebagai pembakar semangat untuk mendapatkan kemerdekaan. Menurut beliau:

"...kami anggap peristiwa ini bukan sahaja bagi kejayaan rakyat India. Tetapi juga sebagai kejayaan negeri2 persaudaraan di Asia dan kami percaya bahawa kebangsaan negara2 yang tertindas itu akan dilaksanakan. Lebih maju dan lebih kuat India berertilah lebih lekas negara2 Asia mencapai hak kebangsaan mereka itu...." (Utusan Melayu, 18 Ogos 1947: 2)

Jika intelegensia awal Melayu berpendidikan agama dan berkiblatkan kepada konsep Pan-Islamisme yang diasaskan Sultan Abdul Hamid II di Turki, intelegensia berpendidikan Melayu terutamanya di SITC dipengaruhi semangat kebangsaan Indonesia (Khoo Kay Kim, 1991:2). Gerakan kebangsaan kiri Melayu dipengaruhi oleh gerakan kiri Indonesia yang dirintis oleh KMM yang kemudiannya dilanjutkan oleh PKMM. Ahmat Adam melihat faktor ini berdasarkan pengakuan oleh Tan Malaka yang menyatakan bahawa dalam tahun 1937 beliau pernah menghubungi seorang pemimpin pergerakan di Semenanjung. Ini menunjukkan terdapatnya percubaan dalam kalangan golongan komunis terutamanya selepas peristiwa pemberontakan komunis yang berlaku di Silungkang, Sumatera Barat untuk mempengaruhi orang Melayu (Ahmat Adam, 1996:159).

Pengaruh Indonesia diakui Ibrahim Haji Yaakob yang menjelaskan bahawa Sumpah Pemuda 1928 dan peristiwa pemberontakan melawan Belanda di Jawa dan Sumatera pada tahun 1926 turut mempengaruhi kesedaran anti kolonial dan perasaan kebangsaan cendekiawan Melayu (Ahmat Adam, 1996:149). Walaupun pemberontakan gagal namun ia memberi amaran kepada Belanda tentang perasaan anti Belanda yang sangat menebal dalam kalangan rakyat Indonesia (Roslan Saadon, 2009: 231). Peristiwa Sumpah Pemuda 1928 itu cukup memberi kesedaran kepada Ibrahim Haji Yaakob berhubung matlamat perjuangan seorang nasionalis. Sumpah Pemuda berjaya meresap perasaan ingin bersatu dalam kalangan pemuda Indonesia yang berasal dari pelbagai daerah untuk mendirikan kumpulan baru yang bersifat keindonesiaan. Dalam Kongres Pemuda Indonesia kedua yang diadakan pada 26 hingga 28 Oktober 1928, pengakuan diperoleh daripada semua golongan iaitu pengakuan keinsafan satu tanah air, satu bangsa dan satu bahasa bagi mencapai cita-cita Indonesia bersatu. Peristiwa ini diketahui Ibrahim Haji Yaakob melalui pembacaan semasa beliau menuntut di SITC (Roslan Saadon, 2009: 230).

Malah, antara tahun 1945 hingga awal tahun 1948 Temerloh sebagai contohnya sentiasa dikunjungi pemimpin politik dari luar Pahang. Kedatangan pemimpin luar ini turut menjadi salah satu faktor yang mendorong penduduk Temerloh melibatkan diri secara aktif dengan gerakan politik khususnya gerakan politik kiri. Antara pemimpin dari Indonesia yang terawal datang ke Temerloh ialah Ismail Teken yang berasal dari Jogjakarta. Ismail Teken bekerjasama dengan Pergerakan Indonesia Merdeka yang mempunyai hubungan rapat dengan pimpinan PKMM Temerloh. Ismail dikatakan pernah dijemput oleh PKMM Temerloh untuk memberi ceramah politik dalam beberapa rapat umum anjuran PKMM. Dalam ceramahnya beliau banyak memberi penerangan tentang perjuangan orang Indonesia menentang penjajahan Belanda (Mohamed Salleh Lamry, 2006: 54).

Kesedaran golongan kiri Melayu turut lahir daripada pembacaan seperti *Soeara Rakyat* iaitu majalah organ Parti Nasionalis Indonesia di bawah pimpinan Sukarno yang memuatkan tulisan anti penjajahan yang tajam dan pedas (Roslan Saadon: 230). Kesannya tokoh-tokoh seperti Sukarno, Hatta, Agus Salim, Dr Soetomo, Mochtar Lutfi, Rasuna Said, Dr. A. Rivai, Tan Malaka dan sebagainya menjadi model nasionalisme dan mendapat sokongan para pelajar SITC termasuklah Ibrahim Haji Yaakob (Abdul Latiff Abu Bakar, 1981: 221). Tambahan pula, beberapa orang tokoh politik Indonesia seperti Jamaluddin Tamin, Tan Melaka, Musso dan Darsono pernah bertemu dengan para pelajar SITC apabila mereka lari ke Tanah Melayu akibat kegagalan pemberontakan yang diterajui oleh Parti Komunis Indonesia pada tahun 1926 dan sempat menyebarkan pengaruh kepada para pelajar tersebut (Roslan Saadon: 230). Selain itu, ketika berada di Singapura pada 1926 Tan Melaka telah menerbitkan satu risalah iaitu *massa actie*. Melalui risalah tersebut beliau membuat analisis berhubung pergerakan kebangsaan di Indonesia disamping menghuraikan punca kegagalan parti politik menentang Belanda (termasuk Parti Komunis Indonesia). Menurut Tan Melaka adalah mustahil Indonesia dapat menyingkirkan kolonialisme dan imperialisme Belanda secara berparlimen selagi kaum modal tuan tanah bumiputera serta kaum intelektualnya yang bersuara di parlimen adalah lemah (Ahmat Adam, 1996: 153).

Burhanuddin Helmi yang mendapat biasiswa dari saudagar India Muslim bagi meneruskan pelajaran ke Universiti Aligarh, New Delhi semasa menuntut di India juga pernah terdedah kepada gerakan politik yang diperjuangkan oleh Mahatma Gandhi. Beliau yang pernah melawat Palestin turut terlibat dalam satu perarakan perjanjian Balfour. Pengalaman di Asia Barat ini menimbulkan semangat reformasi dalam diri Burhanuddin Helmi untuk menentang penjajah Barat (Kassim Thukiman, 2006: 13). Malah, pada penghujung tahun 1947, Burhanuddin turut berpeluang mengetuai perwakilan Malaya ke *Inter-Asian Relations Conference* di New Delhi. Melalui persidangan tersebut telah membuka peluang kepada beliau berkenalan serta berbincang berhubung gerakan menentang penjajah bersama-sama dengan pemimpin kemerdekaan negara Asia. Atas tuntutan perjuangan juga beliau pernah pergi ke India dan Burma diiringi Abdullah C.D, Salleh Daud dan Ibu Zain Sulaiman. Di India beliau berjumpa Nehru dan di Burma berjumpa Aung San. Beliau turut dikunjungi oleh Sukarno yang ketika itu berada di Taiping, Perak. Kunjungan Sukarno adalah untuk merancang perjuangan kemerdekaan Indonesia-Tanah Melayu (Abdul Majid Salleh, 2004: 23-24). Malah, Ishak Haji Muhammad pula pernah ke Tokyo bersama-sama rombongan perwakilan dari Indonesia untuk merundingkan pembebasan Tanah Melayu dari penjajah British dan Indonesia dari penjajah Belanda (Abdul Majid Salleh, 2004: 28).

AKHBAR SEBAGAI MEDIUM PERJUANGAN

Bidang penulisan turut berperanan penting menyemarakkan semangat kebangsaan dalam kalangan orang Melayu. Pada awal abad ke-20 melalui bidang kewartawanan, laporan serta artikel yang ditulis cuba memberikan kesedaran dan semangat agar masyarakat Melayu rajin bekerja, bersatu dan berusaha memajukan nasib bangsa Melayu. Malah, golongan agama

yang berfahaman Kaum Muda dan golongan guru turut menggunakan akhbar, majalah dan buku sebagai alat untuk menyedarkan masyarakat Melayu agar berusaha bagi memperoleh kejayaan dalam segala bidang (Abdul Latiff Abu Bakar, 1996:99). Persuratkhbarannya bertambah aktif selepas Perang Dunia Kedua khususnya dengan kebangkitan parti politik di seluruh Semenanjung dan juga Singapura. Parti politik mula menerbitkan akhbar sebagai lidah rasmi parti mereka. PKMM di Kuala Lumpur sebagai contohnya menerbitkan akhbar harian *Pelita Malaya* dan *Suloh Malaya*.

Era kemerdekaan melahirkan sebahagian besar penulis tempatan daripada golongan nasionalis kiri yang bukan hanya bersikap antikolonial tetapi pada masa yang sama kurang bersimpati terhadap institusi serta susunan sosial masyarakat yang dianggap ketinggalan zaman serta menjadi alat penjajah. Ekoran wujudnya sekatan yang dikenakan pihak penjajah British terhadap kebebasan mengkritik pihak kolonial, golongan ini terpaksa menumpukan kritikan mereka terhadap institusi kesultanan dan kebangsawanan Melayu yang dianggap bertanggungjawab memecah belahkan perpaduan orang Melayu dan meneruskan kepentingan pihak kolonial melalui akhbar dan majalah. Pemikiran ini dibawa oleh beberapa tokoh politik Melayu yang dipengaruhi pemikiran nasionalis seperti Ishak Haji Muhammad, Ibrahim Haji Yaakob, Burhanuddin Helmi dan Ahmad Boestamam (Azmi Ariffin, 2007:234).

Ibrahim Haji Yaakob sebagai contohnya turut menggunakan bidang kewartawanan untuk gerakan kebangsaannya. Beliau pernah bekerja sebagai wartawan bagi akhbar *Majlis* dan *Warta Malaya* serta memimpin KMM pada tahun 1938. Dasar British yang melantik wakil Melayu daripada golongan aristokrat tidak dipersetujui oleh Ibrahim Haji Yaakob. Dasar ini menurut beliau semata-mata untuk kepentingan British. Sebaliknya, beliau mengharapkan agar pihak kerajaan dapat memilih wakil Melayu yang menurutnya terdiri daripada... "...ahli bukan berjawatan yang sebenar-benarnya orang kebanyakan iaitu orang yang tidak bersangkut-paut dengan jawatan kerajaan." Menurut beliau lagi adalah penting wakil yang dipilih terdiri daripada mereka yang memahami dan mengerti kemahuan dan kehendak masyarakat Melayu (Warta Ahad, 29 Mac 1936: 5).

Bagi Ibrahim Haji Yaakob pemilihan wakil Melayu dalam majlis haruslah bersifat demokrasi. Melalui cara ini nasib orang Melayu dapat dibela. Keadaan ini mendorong beliau mengemukakan beberapa soalan berhubung pemilihan wakil-wakil itu, iaitu:

1. Adakah ahli-ahli mesyuarat itu dipilih dengan menggunakan persetujuan undi rakyat umum?
2. Adakah sebenar-benarnya ahli mesyuarat itu orang yang tidak bersangkut paut dengan jawatan kerajaan?
3. Adakah sebenar-benarnya ahli mesyuarat itu daripada orang kebanyakan? (Warta Ahad, (29 Mac 1936: 5)

Ibrahim Haji Yaakob turut mengkritik sikap sesetengah wakil Melayu dalam majlis yang hanya mengambil sikap berdiam diri. Ibrahim Haji Yaakob dengan berani menyifatkan wakil tersebut sebagai:

"...lupa akan tanggungjawab kepada umum hanyalah mengeluarkan fikiran untuk faedah diri sahaja. Sya sebagai seorang Melayu memang berasa malu di atas pekerti wakil-wakil Melayu sebegitu lupa akan nasib orang-orang ramai atau khas kepada pemakan-pemakan gaji. Yang demikian tidaklah hairan kita sekarang orang Melayu tinggal membawa nasibnya hina dan daif. Suara-suara umum Melayu tidak ada harga sedikit pun kebanyakannya wakil-wakil Melayu tidak gemar mengutip fikiran orangnya sama ada dari surat-surat khabar atau surat rayuan yang sampai kepada mereka itu." (Majlis, 11 Jun 1936:1)

Justeru, Ibrahim Haji Yaakob mencadangkan supaya tugas tersebut diserahkan kepada orang Melayu daripada golongan rakyat biasa sekiranya wakil Melayu yang dilantik itu tidak dapat memperjuangkan kepentingan bangsanya. Berhubung hal ini, menurut beliau;

“...sekiranya jika mustahak dihormati suara-suara rakyat itu rasanya haruslah diberi peluang kepada orang Melayu dalam hal menjaga tanah air supaya mereka itu boleh menerangkan fikiran dan kemusykilannya.” (Di petik dari Abdul Latiff Abu Bakar, 1996:110)

Ibrahim Haji Yaakob sewaktu mengkritik kegiatan golongan nasionalis elit Melayu sama ada dalam persatuan negeri Melayu atau UMNO yang bersikap bekerjasama dengan British mengganggapnya sebagai golongan “...burdjuis-feudalis yang sedar tentang hak bangsanya tetapi bekerjasama dengan British” (Ibrahim Haji Yaakob, 1957:21). Ibrahim Haji Yaakob mendapat idea dan sumber pengetahuan melalui pembacaan. Suratkhbar dan majalah memberangsangkan kesedaran penuntut SITC seperti *Persatuan Indonesia*, *Pewarna Deli*, *Pertja Selatan*, *Pedoman masyarakat*, *Fikiran Rakyat*, *Soeloeh Rakyat Indonesia*, *Semangat Islam*, *Seruan Azhar*, *Bintang Timur* dan *Bintang Hindia*. Manakala buku dan novel Indonesia yang sampai di SITC pula antaranya *Student Indonesia di Eropah* (1928) karya Dr A. Rivai dan *Riwayat Penghidoepan Dr Soetomo dan perjuangannya*, *Siti Nurbaya*, *Salah Pilih*, *Salah Asuhan*, *Djumpa Atjeh* dan *Melati van Agam* (Roslan Saadon, 2009:230). Malah, Muhammad Yamin merupakan seorang tokoh Indonesia yang menjadi rujukan Ibrahim Haji Yaakob. Muhammad Yamin mempunyai konsep pemikiran cita-cita kebangsaan yang luas iaitu Alam Melayu atau Indonesia Raya (Bachtiar Djamily, 1985: 26-27). Dalam Kongres Pemuda Indonesia kedua di Jakarta beliau berpidato mengenai persatuan dan kebangsaan Indonesia (Harsja Wardana Bachtiar, 1981:201).

Ishak Haji Muhammad yang juga merupakan seorang wartawan turut mengenengahkan persoalan semasa, kepincangan masyarakat dan membuat pembelaan terhadap nasib orang Melayu. Beliau mengemukakan persoalan semasa dan kepincangan masyarakat seperti ketidakadilan penjajah British, golongan pembesar dan birokrat yang tidak menjalankan tanggungjawab dalam membela nasib orang Melayu, kesan negatif kedatangan orang asing dan sebagainya (Abdul Latiff Abu Bakar, 1996:108). Walaupun mendapat pendidikan Inggeris dan menjawat jawatan yang baik dalam pentadbiran kerajaan British, Ishak Haji Muhammad bukan seorang yang ‘yes man’ sebaliknya secara terang menentang British secara politik melalui PKMM. Sikapnya yang bukan mengikut telunjuk British menyebabkan Ishak Haji Muhammad bertindak meletakkan jawatan sebagai majistret. (Abdul Latiff Abu Bakar, 1977:16) Beliau menuntut British melaksanakan dasar ‘sama rata sama rasa’. Bagi menjayakan dasar itu, British perlu ‘menunaikan kewajipannya’ membangunkan masyarakat dan negara di samping orang Melayu sendiri yang perlu mengubah sikap supaya mereka tidak ketinggalan dalam semua bidang (Abdul Latiff Abu Bakar, 1996:81). Kelantangan beliau bukan sahaja menyebabkan beliau kehilangan kedudukan dalam kerajaan malah dipenjarakan sejak 1948 hingga 1953 apabila Undang-undang Darurat diisytiharkan (Abdul Latiff Abu Bakar, 1996: 336).

Bagi menanamkan semangat perjuangan dan menyemarakkan semangat kemerdekaan kepada masyarakat Tanah Melayu, *Suloh Malaya* membuat liputan dengan agak menyeluruh, terutama mengenai perkembangan politik yang berlaku di Indonesia. Artikel-artikel di dalam majalah ini ingin menaikkan semangat dan mempengaruhi bangsa Melayu di Tanah Melayu agar bangun menentang penjajahan British di Tanah Melayu sebagaimana Melayu Indonesia bertindak terhadap Belanda. Antara kata semangat yang dilontarkan ialah:

“Perjuangan kita jauh lebih luas dan hebat dari perjuangan seseorang pemuda sosialis biasa. Kita berjuang untuk kemerdekaan bangsa dan negara kita yang

terjajah, untuk perpaduan bangsa dan negara yang dipecahbelah dan untuk memperbaiki nasib rakyat kita yang tertindas. Maka seperti pemuda-pemuda kita Indonesia yang sedang mempertahankan kemerdekaan di pihak sana, kita yang menuntut kemerdekaan dibahagian sini haruslah siap dan lengkap bukan saja dengan semangat tetapi dengan isi. Dengan faham yang tetap dan teguh sebagai benteng rohani yang tidak boleh luntur. Kita hendaklah menjadi pemuda yang kualiti terjamin, bukan kuantiti yang banyak tetap tidak berharga. Jika demikian kelak apabila tiba masanya barulah kita sanggup hancur lebur-menurut semboyan pemuda sejati dari Presiden Encik Soekarno-untuk tanah air menjadi luhur.” (Suloh Malaya, 15 Jun 1946:6)

Artikel berjudul *Indonesia merdeka dengan pemuda-pemudanya* yang ditulis oleh Adi Wijaya cuba menunjukkan betapa besarnya tenaga yang telah diberi oleh pemuda-pemuda Indonesia untuk kemerdekaan tanahairnya (Suloh Malaya, 15 Jun 1946:1). Apa yang diharapkan oleh *Suloh Malaya* dengan berbuat demikian adalah untuk menanamkan sifat perjuangan sepertimana dilakukan orang Indonesia dalam menghadapi penjajahan semula Belanda. Penulis telah memetik kata-kata Muhammad Hatta bagi menggambarkan semangat juang pemuda-pemuda Indonesia. Antaranya:

“Kamulah angkatan muda yang akan menjadi bangsa kita pada masa yang akan datang. Kamu telah menyediakan jiwamu untuk mati guna untuk kemerdekaan bangsa dan tanahair, tetapi kamu mesti menyediakan juga diri kamu untuk hidup, untuk menegakkan bangsa merdeka dimasa akan datang. Rakyat seluruh Indonesia mempercayakan nasib kepada kamu dan kamu haruslah insaf akan pertanggungjawab kamu ditengah2 rakyat jelata bangsa kita.” (Suloh Malaya, 15 Jun 1946:2)

Artikel dalam majalah ini turut mengungkapkan kata-kata semangat khusus kepada golongan bawahan dengan harapan dapat menyemarakkan lagi semangat nasionalisme pemuda Tanah Melayu untuk mencapai kemerdekaan sebagaimana bersemaraknya semangat kaum tani dan buruh Indonesia. Menurut *Suloh Malaya*:

Hidup lah tani dan buruh
Berjuanglah untuk mempertahankan Indonesia Merdeka,
Sekali merdeka tetap merdeka selama-lamanya. (Suloh Malaya, 15 Jun 1946:11)

Manakala sajak dalam majalah *Kenchana* Mac 1947 bertajuk *Bambu Runcing* dengan jelas membawakan sejenis senjata yang digunakan oleh sebilangan besar rakyat Indonesia ketika berjuang menentang penjajah belanda. Imej-imej yang dibawa dalam sajak tersebut bertujuan untuk menguatkan lagi semangat perjuangan bangsa Melayu. Penyair M.A. Yahya menggambarkan keberanian rakyat Indonesia menggempur musuh di medan perjuangan dengan bersenjatakan bambu runcing keberaniannya itu dianjurkan supaya dicontohi oleh bangsa Melayu. (Kenchana, Mac 1947: 5) Ringkasnya, media massa berperanan menyemarakkan lagi kesedaran masyarakat Tanah Melayu untuk berjuang bagi mendapatkan kemerdekaan.

KESIMPULAN

Ramai tokoh yang berusaha supaya British meninggalkan Tanah Melayu, tetapi tidak ramai yang segigih dan senasib dengan golongan kiri yang berjuang membebaskan bangsa dan negara Melayu serta sekaligus merintis jalan ke penjara. Walaupun

pertubuhan politik Melayu berhaluan kiri terus menerima tekanan pemerintah British namun, para pemimpinnya tidak pernah memperlihatkan sikap bertolak ansur. Walau bagaimanapun pengisytiharan Undang-undang Darurat 1948 di seluruh Tanah Melayu telah melumpuhkan perjuangan golongan nasionalis kiri Melayu ini. Namun, mereka merupakan golongan rakyat yang mempunyai kesedaran awal perlunya Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Jadi boleh disimpulkan bahawa golongan kiri Melayu jelas merupakan nasionalis awal yang memperjuangkan kemerdekaan dan berjaya mencorakkan arus perdana perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu. Pengaruh luar dan melalui medium media masa berperanan penting melahirkan semangat kebangsaan dalam kalangan nasionalis kiri Melayu tersebut.

RUJUKAN

- UMNO/SG No 96/1946 *Rang Undang-undang PKMM 1946*.
- SPR 2002/00660 Detik permulaan pergerakan dan perjuangan bangsa Melayu membebaskan Tanah Melayu dari imperialis Inggeris setelah tamat peperangan Asia Timur Raya binaan Jepun pada 16 Februari 1945
- Abdul Latiff Abu Bakar. (1996). Konsep patriotisme dan nasionalisme. Abdul Latiff Abu Bakar (pnyt.). *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Latiff Abu Bakar. (1981). Ibrahim Haji Yaacob: Kegelisahan dan impian seorang pejuang. *Imej dan cita-cita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar. (1977). *Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Majid Salleh. (2004). *Memoir Abdul Majid Salleh dalam PKMM dan Kesatuan Buruh*. Bangi: UKM.
- Ahmat Adam. (1996). Pengaruh Indonesia dalam aliran gerakan kebangsaan Melayu. Abdul Latiff Abu Bakar (pnyt.). *Melaka dan arus gerakan kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azmi Arifin. (2007). "Feudalisme Melayu: Asal Usul Pemikiran, Sejarah dan Pensejarahan". Tesis Doktor Falsafah. Jabatan Sejarah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bachtiar Djamily. (1985). *Ibrahim Yaacob pahlawan Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burhanuddin Helmi. (1946). *17 Oktober 1945-17 Oktober 1946: perjuangan kita*. Singapura: PKMM.
- Harsja Wardana Bachtiar. (1981). Muhammad Yamin: dari desa ke Indonesia Raya. *Imej dan cita-cita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Haji Yaacob. (1957). *Sekitar Malaya merdeka*. Jakarta: Kesatuan Malaya Merdeka.
- Ishak Haji Muhammad. (1997). *Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khoo Kay Kim. (1991). Ulamak dan perjuangan: suatu perspektif sejarah. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 3. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kassim Thukiman. Dato' Onn Jaafar dan tokoh sezaman di Tanah Melayu. *Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar*. Johor Bharu. 1-4 Disember 2006.
- Mahadzir Mohd Khir. (1997). Proses transformasi politik Malaysia: dari raja ke rakyat. Norazit Selat et al. *Meniti Zaman: Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Moden*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohamed Salleh Lamry. (2006). *Gerakan dan tokoh kiri: Kamarulzaman Teh dalam kancah Perjuangan Kemerdekaan*. Petaling Jaya: SIRD.
- Mohd Sarim Haji Mustajab. (1996). Gerakan Islah Islamiah: kajian terhadap tiga tokoh pelopornya. Abdul Latiff Abu Bakar (pnyt.). *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Samsudin. Perlembagaan PTM dan pembentukan Tanah Melayu: reaksi positif pegawai-pegawai British terhadap pentadbiran sendiri dan kemerdekaan. *Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar*. Johor Bharu. 1-4 Disember 2006.

- Oong Hak Ching. Perikatan UMNO-MCA-MIC dan perjuangan ke arah kemerdekaan. *Seminar Penghayatan Kemerdekaan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. 11-13 September 2000.
- R.S. Milne dan Diane Kauzy. (1992). *Politik dan Kerajaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roslan Saadon. (2009). Pemikiran dan perjuangan politik Ibrahim Haji Yaakob. Azlizan at Enh (edit.) *Sumbangsih kepada Dr Abdul Rahman Abdullah: Isu-isu Terpilih dalam Sejarah Pemikiran*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Samad Ismail. Pengalaman dan pengertian kemerdekaan. *Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysian*. 11-13 September 2000.
- Kenchana*. (Mac 1947). Bambu Runcing.
- Majlis*. (11 Jun 1936).
- Suloh Malaya*. (15 Jun 1946). Perjuangan Kita.
- Utusan Melayu*. (18 Ogos 1947). Tahniah PKMM kepada Nehru.
- Warta Ahad*. (29 Mac 1936). Wakil Melayu dalam Federal Council.